



DR. ABU Azam Md Yassin (kiri) melihat pelan asrama KUKTEM sambil diberi penerangan oleh Kee Bok Hee (dua orang di Bandar MEC, Gambang, Kuantan, semalam).

KUKTEM berpindah ke Bandar MEC mulai tahun ini

KUANTAN 17 April — Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) akan berpindah dari Bandar Indera Mahkota ke kampus sementara di Bandar MEC di sini pada bulan ini.

Rektor KUKTEM, Profesor Datuk Dr. Abu Azam Md. Yassin berkata, kampus seluas 12 hektar itu telah dinobatkan sebagai 'Frontier Bond' dan mampu menampung seramai 3,700 orang pelajar.

"KUKTEM akan menyewa kepada Frontier Bond untuk tempoh tiga tahun iaitu bermula dari tahun ini hingga 2005 sementara penantian kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan siap, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis penyerahan Kampus Sementara Bandar MEC kepada KUKTEM oleh Frontier Bond (pemilik premis) di sini hari ini. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Urusan Frontier Bond, Kee Book Hee.

Menurut Dr. Abu Azam, kampus sementara KUKTEM menyediakan 15

blok pejabat pentadbiran dan fakulti, lapan dewan kuliah, lapan bilik kuliah serta 40 unit makmal kejuruteraan.

"Di samping itu, kita juga ada menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti perpustakaan, kafetaria siswa dan masjid yang akan dibina di kawasan kampus ini," jelasnya.

Beliau menambah, kerja-kerja pengubahsuaian masih diteruskan untuk fasa kedua dan ia dijangka siap sepenuhnya pada Jun ini.

Dr. Abu Azam berkata, buat masa ini KUKTEM mempunyai 300 orang pelajar dan seramai 1,100 orang pelajar akan mendaftar pada sesi pengambilan baru 2003/2004 Jun ini.

KUKTEM merupakan universiti pertama di Pahang dan IPTA itu menawarkan tiga kursus diploma dan enam kursus ijazah kejuruteraan, ujarnya.

Mengulas mengenai kampus tetap KUKTEM di Kuala Pahang, beliau memberitahu, fasa pertama kampus berkenaan dijangka siap pada 2005 atau 2006 manakala projek pembinaan untuk fasa kedua pula akan dimulakan sebaik sahaja fasa pertama siap sepenuhnya.